



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 18 JUN 2024

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	JANGAN KETEPIKAN PETANI, PENARIK KERETA DI CAMERON HIGHLANDS, DALAM NEGERI, UM-7	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
2.	DIESEL SUBSIDY AID SHOWS GOVT CONCERN FOR PEOPLE	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	NELAYAN C2 DAKWA DIANAKTIRIKAN KERAJAAN	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
4. 5. 6. 7. 8. 9.	EGG PRICES REDUCED BY THREE SEN NATIONWIDE HARGA RUNCIT TELUR TURUN TIGA SEN SEBIJI SELAIN TELUR, BARANG ASAS LAIN JUGA PERLU TURUN HARGA HARGA TELUR GRED A,B,C TURUN 3 SEN TELUR AYAM A, B DAN C TURUN HARGA TIADA KENAIKAN HARGA AYAM DI SABAH	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/6/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	7

Jangan ketepikan petani, penarik kereta di Cameron Highlands

PETALING JAYA: Kerajaan dicadang tidak mengetepikan sektor perniagaan pertanian dan penarik kereta yang dikatakan terlepas pandang daripada menikmati subsidi diesel yang diberi oleh kerajaan.

Menurut Pensyarah Kanan Ekonomi Universiti Teknologi Mara (UiTM), Dr. Bashir Ahmad Shabir Ahmad berkata, keadaan itu menimbulkan kesukaran kepada pemain sektor terlibat dan menyebabkan kos perbelanjaan serta penyelenggaraan meningkat.

“Pihak kerajaan perlu sentiasa bersikap terbuka dan bersedia mendengar rintihan golongan peniaga supaya penambahbaikan dapat dilakukan.

“Kerajaan juga perlu dapatkan komen melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KP-DNKK), adakah cukup subsidi RM200 itu,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, apabila kerajaan melaksanakan penyasaran subsidi diesel, ia tidak sempurna dan sudah tentu mempunyai beberapa kelemahan dan kerajaan sedia memperbaikinya.

Menurut beliau, antara yang terkesan ialah rakyat golongan bawah seperti pesawah, pengusaha bas sekolah serta nelayan dan kerajaan akan membantu mereka.

Dalam pada itu, Presiden Persatuan Pengguna Kedah (Cake), Mohamad Yusrizal Yusoff berkata, pihaknya mengharap kerajaan dan pemain industri berbincang bersama bagi mencari jalan penyelesaian yang tidak merugikan mana-mana pihak.

“Bincang apakah masalah yang dihadapi oleh mereka apabila pelaksanaan subsidi bersasar ini dan juga kenaikan harga diesel dan cubalah mendalami masalah mereka,” jelasnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/6/2024	THE SUN	NATIONAL	3

Diesel subsidy aid shows govt concern for people

ARAU: The *Madani* Subsidy Assistance (*Budi Madani*) of RM200 per month to eligible groups following the implementation of the targeted diesel subsidy shows that the government is not "washing its hands" and leaving the people to face the rising cost of living on their own.

A retiree, Nasarudin Noh, 51, from Pauh, near here, said the RM200 cash aid might be negligible to some, but he feels that people should be grateful for the assistance, which is better than nothing.

"Even though the diesel price has increased, the government still provides RM200 aid to those using diesel daily. In my opinion, receiving RM200 every month is better than not getting any assistance," he said.

Nasarudin, who earns his living by repairing furniture such as sofas and leather chairs, said he drives his pickup truck to deliver goods to his customers and travels to Perak every weekend for family matters, adding that his application for the assistance has been approved.

He said he supports the government's targeted diesel subsidy initiative as it is in the nation's long-term interest, adding that he believes in line with this move, the government will also hold more *Rahmah* and *Agro Madani* sales to help the people.

Sharing the same sentiment, a farmer from Simpang Empat who wished to be known as Hasbullah, 39, said he has applied for the *Budi Agri-Komoditi* and is eagerly awaiting the RM200 monthly cash aid as it will help to lighten his burden.

"I often use my lorry to transport equipment for planting padi such as fertilisers. So I need this RM200 aid. Even though now (after implementation of the targeted diesel subsidy) filling up the tank costs me RM230, I am still grateful for this assistance."

Hasbullah said the RM200 aid demonstrates the government's concern for the people's difficulties amid the surge in diesel prices, adding that he hopes the government will increase the amount to RM300 in the future.

The diesel price at all retail petrol stations in Peninsular Malaysia is RM3.35 per litre, the unsubsidised market price starting June 10.

The government introduced the *Budi Madani* initiative to ensure subsidy allocations target eligible groups and reduce the burden on those in need.

The application can be made at budimadani.gov.my and there is no closing date. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/6/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	7

Nelayan C2 dakwa dianaktirikan kerajaan

KUANTAN: Nasib kira-kira 500 nelayan C2 yang majoritinya bumiputera diibaratkan seperti 'pengemis' kerana terus dianaktirikan daripada menerima insentif serta bantuan kerajaan khususnya subsidi diesel.

Bercakap kepada Utusan Malaysia, nelayan C2 negeri ini, Tengku Adnan Tengku Husin berkata, nelayan kelas C2 terus diabaikan kerana lebih enam tahun tidak menerima bantuan seperti elaun sara hidup dan insentif hasil tangkapan bagi setiap kilogram ikan seperti mana diterima nelayan lain.


Menurut beliau, pelbagai bebanan terpaksa ditanggung nelayan C2 walaupun merupakan penyumbang terbesar tangkapan ikan dalam negara berbanding kelas-kelas lebih kecil yang menerima keistimewaan kerajaan.

"Berhubung diesel, sebulan kami perlu isi kira-kira 30,000 liter diesel bagi sebuah bot, jadi dengan harga RM3.35 seliter pada ketika ini, kami perlu belanja lebih RM100,000 sebulan hanya untuk isi minyak sahaja.

"Itu belum ambil kira kos penyelenggaraan bot dan membaiki pukat yang rosak setiap bulan. Adakah ini cubaan untuk membunuh atau 'hapuskan' kami nelayan C2 khususnya bumiputera?" katanya di sini semalam.

Untuk sebuah bot nelayan C2, isian penuh tangki kebiasaannya 3,000 liter minyak.

C2 adalah bot paling besar dalam semua kelas yang ada dan pemegang lesennya dibenarkan menangkap ikan di kawasan 30



NELAYAN C2 yang khuatir dengan kenaikan kos operasi ekoran penarikan subsidi diesel sanggup turun ke kelas bot ebih rendah jika ia membolehkan mereka menerima subsidi.

batu nautika dari pantai.

Bermula 10 Jun lalu, kerajaan mengumumkan harga diesel di semua stesen runcit petrol di seluruh Semenanjung Malaysia ditetapkan pada kadar RM3.35 seliter, kenaikan sebanyak RM1.20 seliter.

Bagaimanapun, kadar itu boleh berubah setiap minggu mengikut harga semasa.

Penyasaran subsidi diesel ini dilaksanakan serentak dengan bantuan bersasar untuk sektor logistik di bawah sistem kawalan diesel bersubsidi (SKDS).

Bermula kelmarin juga, seramai 30,000 pemilik kenderaan diesel individu menerima RM200 bantuan tunai bulanan

pertama menerusi Budi Madani.

Utusan Malaysia sebelum ini pernah melaporkan bahawa nelayan C2 sanggup 'turun pangkat' ke kelas C demi memastikan mereka memperoleh diesel bersubsidi berharga RM1.65 seliter.

Difahamkan, walaupun tindakan turun kelas itu merupakan suatu kesalahan, namun ia didakwa tetap berlaku ekoran harga diesel industri yang terlalu mahal.

Mengulas lanjut, Tengku Adnan berkata, dia meminta kerajaan supaya mengkaji semula pemberian subsidi diesel kepada nelayan C2 yang ketika ini cukup terbeban ekoran kenaikan harga bahan bakar tersebut.

"Sifinya mudah sahaja, kalau kerajaan nak bagi subsidi diesel kepada nelayan, bagi sama rata dan adil. Bukan hanya kelas C malah C2 juga perlu menikmatinya.

"Tetapi ia tidak berlaku, kami nelayan C2 seperti anak yatim yang merempat di negara sendiri, sedangkan nelayan warga asing yang menggunakan lesen tempatan menikmati subsidi kerajaan," katanya.

Menurutnya, jika nelayan C2 terus dibiarkan terabai dan dianaktirikan, tidak mustahil ramai akan gulung tikar atau 'turun pangkat' seperti mana di Pahang ketika ini yang jumlahnya tidak sampai pun 10 orang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/6/2024	THE SUN	NATIONAL	2

Egg prices reduced by three sen nationwide

► In line with efforts to pass on savings from implementing targeted subsidies to people, new retail prices for Grade A, B and C eggs are 42, 40 and 38 sen each respectively: PM

KUALA LUMPUR: The government has decided to reduce the retail prices of Grade A, B, and C eggs by three sen each across the country in line with efforts to pass on the savings from implementing targeted subsidies to the people.

Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim said that the new retail prices for Grade A, B, and C eggs are 42 sen, 40 sen and 38 sen each respectively, effective yesterday.

"The subsidy coverage for the people's food needs of 10 sen per egg involves an expenditure of RM100 million, while the allocation for chicken egg subsidies in 2023 amounted to RM927 million," he said in a statement yesterday.

Anwar said the retail prices for eggs in Sabah, Sarawak and Labuan would also be streamlined according to the gazetted areas and zones.

He said this measure aligns with a drop in the input costs of egg production, particularly the basic ingredients for chicken feed.

"I want to emphasise that the government will continue to more proactively and effectively address issues related to the cost of living while striving to mitigate any negative impact on the people's daily lives."

On the issue of diesel smuggling cases, Anwar said the Domestic Trade and Cost of Living Ministry had launched *Ops Tiris* on March 1, 2023 to combat the misappropriation of subsidised diesel to benefit parties not eligible for subsidies.

As of Dec 31, 2023, a total of 6.44 million litres of diesel estimated to be worth RM14.12 million have been seized.

Anwar said due to the positive results and developments of the operation, *Ops Tiris* 3.0 has been launched with an expanded scope covering other controlled goods, namely refined white sugar, 1kg polybag cooking oil, RON95 petrol and liquefied petroleum gas.

"As of June 14, controlled goods worth RM12.96 million have been seized, with diesel accounting for the bulk of smuggled and

misappropriated controlled items."

He said the price of pure palm cooking oil in bottled packaging has been maintained at RM6.90 (1kg), RM13.30 (2kg), RM19.60 (3kg) and RM30.90 (5kg) since the *Madani* government took over leadership, although world crude palm oil prices have exceeded the threshold price of RM3,890 per tonne.

Anwar said the government still bears around RM7 billion in subsidies related to diesel in Peninsular Malaysia.

He added that subsidies were not abolished and the diesel subsidy rationalisation is to ensure more efficient management of subsidies so that they are not misused, and reach the appropriate groups, Bernama reported.

"The main goal of the diesel subsidy rationalisation policy is to ensure that subsidy wastage no longer continues while ensuring that the savings are returned to the wider population."

Anwar said savings from the implementation of targeted subsidies would certainly be returned to the people for education, health, public transport and others.

He said the *Madani* government would also remain committed to combating diesel smuggling while striving for a balance between the government's efforts and issues of supply and cost of living.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/6/2024	HARIAN METRO	LOKAL	16



BEKALAN telur di sebuah pasar raya di Selayang dekat ibu kota kehabisan ketika tinjauan, semalam. Kerajaan memutuskan harga runcit bagi telur ayam gred A, B dan C di seluruh negara diturunkan 3 sen sebiji. Harga runcit baharu bagi telur ayam gred A, B dan C masing-masing ditetapkan 42 sen, 40 sen dan 38 sen sebiji berkuat kuasa semalam. - Gambar NSTP/ASYRAF HAMZAH

Harga runcit telur turun tiga sen sebiji

Kuala Lumpur: Harga runcit telur ayam gred A, B dan C diturunkan tiga sen sebiji selaras usaha mengembalikan hasil penji-matan penyasaran subsidi kepada rakyat.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, harga runcit bagi telur ayam gred A, B dan C masing-masing turun kepada 42 sen, 40

sen dan 38 sen sebiji berkuat kuasa semalam.

"Penampungan subsidi keperluan makanan rakyat sebanyak 10 sen bagi sebiji telur ayam ini membabitkan perbelanjaan RM100 juta, manakala pada

2023 peruntukan subsidi telur ayam adalah sebanyak RM927 juta," katanya dalam kenyataan di sini.

Katanya, harga runcit bagi telur ayam di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan juga akan diselaraskan mengikut bahagian dan zon yang diwartakan.

"Ingin saya tegaskan, masalah atau isu terkait kos kehidupan rakyat akan terus ditangani kerajaan secara lebih proaktif dan berkesan sambil berusaha sebaiknya dalam memampakan dampak yang buruk ke atas kehidupan harian rakyat," katanya.

Masalah atau isu terkait kos kehidupan rakyat akan terus ditangani kerajaan

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/6/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	3

Selain telur, barang asas lain juga perlu turun harga

Oleh JOHANNA
MUMTAZ WANPA
johanna.pa@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Penurunan harga telur tiga sen bagi setiap gred dilihat tidak memberi impak besar kerana peniaga dan rakyat masih perlu membeli barang asas lain dengan harga mahal.

Oleh itu, kerajaan turut disaran menurunkan harga barangan keperluan asas lain supaya dapat mengurangkan bebanan kos sara hidup yang semakin meningkat.

Presiden Persatuan Pengguna Kedah (Cape), Mohd. Yusrizal Yusoff berkata, pengumuman kerajaan berhubung penurunan harga telur mengembirakan namun kera-

jaan disaran melihat harga barang lain bagi menjamin kestabilan ekonomi domestik.

Katanya, penurunan harga barangan keperluan asas secara tidak langsung dapat meningkatkan kuasa beli pengguna malah mampu memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat khususnya golongan B40.

"Kami menyambut baik penurunan harga telur kerana ia dapat mengurangkan tekanan kewangan dihadapi rakyat. Sekurang-kurangnya ada juga sumber protein yang lebih murah dapat dinikmati oleh golongan tidak berkemampuan.

"Para peniaga perlu mengambil peluang ini untuk menurunkan harga makanan yang dijual di kedai supaya orang ramai dapat menikmatinya pada

kadar berpatutan," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Terdahulu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan, hasil penjimatan daripada penyasaran subsidi diesel, kerajaan memutuskan harga runcit bagi telur gred A, B dan C diturunkan tiga sen berkuat kuasa serta merta.

Sementara itu, Presiden Lembaga Perlindungan dan Kebajikan Pengguna Malaysia (LPKPM), Dr. Lee Nan Sang berkata, pihaknya tidak menafikan penurunan harga telur memberi faedah kepada rakyat namun ia perlu diimbangi dengan harga barangan keperluan lain agar dapat memberi manfaat secara menyeluruh kepada masyarakat.

Menurut beliau, para penia-

ga akan mengalami kesukaran untuk menurunkan harga jualan kerana penurunan tersebut tidak mampu menampung kos penyediaan secara keseluruhan.

"Kerajaan perlu turunkan harga jualan runcit bagi barangan keperluan harian seperti minyak masak, beras, tepung, ubi kentang dan gula supaya para peniaga dapat menyediakan makanan dengan kos yang lebih rendah dan dijual pada harga bersesuaian.

"Diharapkan penurunan ini tidak akan menjejaskan para penternak kerana keuntungan yang sedia ada itu agak kecil supaya mereka dapat menyediakan bekalan telur yang mencukupi untuk memenuhi keperluan pasaran," katanya.

Harga telur gred A, B, C turun 3 sen

Inisiatif selaras dengan janji, usaha kerajaan tangani kos sara hidup rakyat

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Harga runcit telur ayam gred A, B dan C di seluruh negara diturunkan 3 sen sebiju berkuat kuasa semalam, menjadikan kadar baharu, masing-masing pada 42 sen, 40 sen dan 38 sen sebiju.

Penurunan harga runcit itu dibuat selepas kerajaan mengambil kira perkembangan semasa yang menunjukkan penurunan kos input pengeluaran telur ayam, terutama bahan asas makanan ternakan berkenaan.

Mengumumkan keputusan itu semalam, Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata langkah itu juga selaras usaha kerajaan mengembalikan hasil penjimatan penyasaran subsidi kepada rakyat.

"Penampungan subsidi keperluan makanan rakyat sebanyak 10 sen bagi sebiju telur ayam membabitkan perbelanjaan RM100 juta. Pada 2023, peruntukan subsidi telur ayam adalah RM927 juta.

"Harga runcit telur di Sabah, Sarawak dan Labuan juga akan diselaraskan mengikut bahagian dan zon yang diwartakan," katanya menegaskan masalah atau isu terkait kos kehidupan rakyat akan terus ditangani kerajaan secara lebih proaktif dan berkesan.

Memberi jaminan kerajaan juga berusaha sebaiknya dalam memampatkan dampak buruk ke atas kehidupan harian rakyat, Perdana Menteri memberitahu, kerajaan masih mengekalkan harga minyak masak sawit tulen kemas botol.

Harga itu, masing-masing RM6.90 satu kilogram (kg), RM13.30 (2kg), RM19.60 (3kg) dan RM30.90 (5kg) yang dikekalkan sejak Kerajaan Perpaduan mengambil alih pentadbiran negara biarpun harga minyak sawit mentah (CPO) dunia meningkat melebihi harga ambang RM3,890 satu tan.

"Sebagai contoh, harga CPO pada Mac dan April lalu, masing-masing RM4,215 satu tan dan April RM4,256 satu tan. Harga minyak masak sawit tulen 5kg boleh meningkat antara RM33 hingga RM35," jelas Anwar.

Berkait diesel, Perdana Menteri



Penurunan harga runcit bagi telur gred A, B dan C dibuat selepas kerajaan mengambil kira perkembangan semasa yang menunjukkan penurunan kos input pengeluaran telur ayam. (Foto bilasan)

menegaskan, kerajaan komited menangani penyeludupan bahan api itu sambil berusaha mengimbangnya dengan perihal bekalan dan kos sara hidup rakyat.

Tak hapus subsidi diesel

Beliau juga mengulangi kerajaan tidak menghapuskan subsidi, sebaliknya tindakan dilakukan ketika ini bertujuan memastikan pengurusan subsidi lebih cekap, tidak tiris dan sampai kepada kumpulan rakyat selayaknya.

"Kerajaan masih perlu menanggung kira-kira RM7 bilion subsidi berkait diesel di Semenanjung.

"Tujuan utama dasar penyasaran subsidi diesel demi memastikan pembaziran subsidi tidak lagi diteruskan sambil memastikan penjimatan mesti dipulangkan kepada rakyat terbanyak.

"Hasil penjimatan daripada penyasaran subsidi ini tentu akan dikembalikan kepada rakyat dalam bentuk pendidikan, kesihatan, pengangkutan awam dan lain-lain sektor yang memberi dampak terbesar kepada rakyat," katanya.

Anwar mendedahkan, sebanyak 6,441,118 liter diesel dianggarkan bernilai RM14,208,824 dirampas setakat 31 Disember lalu menerusi Ops Tiris yang dige-

rakkan kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sejak 1 Mac 2023.

Ops Tiris yang bertujuan membanteras penyelewengan diesel bersubsidi ketika ia memanfaatkan golongan tidak layak berjaya menghasilkan perkembangan positif dan kerana itu, kata Perdana Menteri, kerajaan meneruskan Ops Tiris 3.0.

Ops Tiris 3.0 dijalankan dengan skop diperluas merangkumi barang kawalan lain, iaitu gula putih bertapis (kasar dan halus), minyak masak bungkus polibeg 1kg, petrol RON95 dan gas petroleum cecair (LPG).

"Sehingga Jumat lalu, barang kawalan bernilai RM12,956,089.96 dirampas dengan diesel menjadi barangan kawalan tertinggi diseludup dan diseleweng," katanya.

Penyasaran subsidi diesel menyaksikan harga bahan api itu ditetapkan RM3.35 sen seliter di semua stesen minyak runcit seluruh Semenanjung bermula jam 12 tengah malam 10 Jun lalu.

Serentak itu, 30,000 kumpulan awal pemilik kenderaan diesel persendirian menerima bantuan bulanan RM200 menerusi program BUDI MADANI mulai hari sama.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/6/2024	KOSMO	NEGARA	4



HARGA telur bagi Gred A, B dan C turun sebanyak 3 sen mulai hari ini selepas kerajaan memperkenalkan penyasaran subsidi diesel baru-baru ini. - GAMBAR HIASAN



PENYASARAN subsidi dilaksanakan untuk mengekang penyeludupan diesel oleh pihak tertentu. - GAMBAR HIASAN

Hasil penyasaran subsidi diesel diserap ke barangan lain

Telur ayam A, B dan C turun harga

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

PUTRAJAYA – Kerajaan mengumumkan harga runcit bagi telur gred A, B dan C diturunkan 3 sen sebilji berkuat kuasa semalam sebagai usaha mengembalikan hasil penjimatan penyasaran subsidi kepada rakyat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, penurunan itu menyaksikan harga runcit baharu bagi telur ayam tersebut menjadi 42 sen, 40 sen dan 38 sen sebilji.

Katanya, penampungan subsidi keperluan makanan rakyat sebanyak 10 sen untuk sebilji telur ayam itu melibatkan perbelanjaan RM100 juta.

"Pada 2023, peruntukan subsidi telur ayam ialah sebanyak RM927 juta. Harga runcit telur ayam di Sabah, Sarawak dan Labuan juga akan diselarkan

mengikut bahagian dan zon yang diwartakan," katanya dalam satu kenyataan.

Dalam pada itu, Anwar berkata, kerajaan tidak menghapuskan subsidi, sebaliknya apa yang dilakukan ketika ini ialah bagi memastikan pengurusan dilaksanakan secara lebih cekap.

Tambahnya, kerajaan masih menanggung subsidi berkaitan diesel di Semenanjung Malaysia dengan peruntukan kewangan sekitar RM7 bilion di Semenanjung.

"Subsidi diesel tidak dihapuskan, tetapi apa yang dilakukan adalah memastikan pengurusan yang lebih cekap, tidak tiris dan sampai kepada kumpulan rakyat yang selayaknya," katanya.

Menurut Anwar, tujuan penyasaran subsidi diesel ialah bagi memastikan pembaziran pembelian tidak berterusan di samping



ANWAR

memastikan penjimatan terba-nyak mesti dipulangkan kepada rakyat.

"Hasil penjimatan daripada penyasaran subsidi ini tentu-nya akan dikembalikan kepada rakyat dalam bentuk pendidikan,

kesihatan, pengangkutan awam dan lain-lain sektor yang memberi dampak terbesar.

"Selain itu, kerajaan masih mengekalkan harga minyak masak sawit tulen kemasan botol pada harga RM6.90 (1kg), RM13.30 (2kg), RM19.60 (3kg) dan RM30.90 (5kg) sejak mengambil alih tampuk kepimpinan," jelasnya.

Katanya, pengekalan harga itu dibuat meskipun harga minyak sawit mentah (CPO) dunia meningkat melebihi harga ambang RM3,890/mt.

"Sebagai contoh dengan harga CPO pada bulan Mac RM4,215/mt dan April RM4,256/mt, harga minyak masak sawit tulen 5kg boleh meningkat sehingga RM33-RM35," jelasnya.

Dalam perkembangan sama, Anwar berkata, lebih 6.4 juta liter minyak diesel bernilai RM14.2 juta telah dirampas setakat 31

Disember 2023 dalam Op Tiris oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup sejak 1 Mac 2023.

"Ia bagi membanteras masalah penyelewengan diesel bersubsidi tatkala ia memanfaatkan pihak yang tidak layak.

"Op Tiris 3.0 akan dilaksanakan mencakupi barang kawalan lain iaitu gula putih bertapis, minyak masak 1 kg, RON95 dan gas petroleum cecair," katanya.

Ujar Anwar, sehingga Jumaat lalu, lebih RM12 juta nilai barang kawalan telah dirampas dengan diesel menjadi barangan kawalan yang tertinggi yang diseludup dan diseleweng.

Lantaran itu, Kerajaan Madani akan kekal komited menangani penyeludupan diesel sambil berusaha mengimbangnya dengan perihal bekalan dan kos sara hidup rakyat.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/6/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	35

Tiada kenaikan harga ayam di Sabah

KOTA KINABALU: Pelaksanaan penyasaran subsidi diesel di Semenanjung tidak memberi kesan kepada kenaikan harga ayam di Sabah pada masa ini.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di Pasar Awam dan Tamu Donggongan, Penampang mendapati harga ayam termasuk ayam jagung kekal sama dengan harga sebelum berkuat kuasa penyasaran subsidi diesel di Semenanjung.

Peniaga, Melda Abdul, 56, berkata, memandangkan subsidi bersasar diesel belum dilaksanakan di Sabah, maka tidak berlaku kenaikan harga barangan mentah di negeri ini.

Setakat ini, jelasnya, harga ayam jagung yang diperolehi daripada pembekal masih sama.

Justeru, katanya, harga jualan ayam jagung juga kekal RM17 sekilogram untuk ayam bulat.

Namun, tambahnya, bahagian paha dan dada dijual pada harga RM19 sekilogram, berbeza dengan ayam putih, bahagian paha dan dada ayam dijual pada harga RM17 sekilogram manakala, sayap ayam RM20 sekilogram.

"Biar pun tiada kenaikan harga, peniaga berhadapan dengan kesukaran untuk menghabiskan jualan ayam setiap hari.

"Sebelum sambutan Hari Raya Aidiladha pun tempahan



MELDA Abdul menyusun daging ayam yang dijualnya di tapak Tamu Donggongan, Penampang, Sabah.

ayam masih perlahan. Sebelum pandemik Covid-19, jualan ayam menjelang musim perayaan boleh melebihi 100 ekor tapi sekarang, mahu jual 20 ekor ayam pun sukar," katanya.

Seorang lagi peniaga, Florence Hendry, 18, berkata, kebanyakan peniaga di Pekan Donggongan menjual ayam jagung kerana permintaannya yang tinggi.

"Jika pelanggan hendak men-

cari ayam biasa, ia ada dijual di pasar raya tapi ayam jagung hanya boleh didapati di pasar awam atau tamu.

"Setiap hari kami jual antara 20 hingga 30 ekor ayam, itupun ada kalanya tidak habis terjual," katanya.

Bagaimanapun, jelasnya, semasa perayaan Pesta Kaamatan atau Krismas, mereka boleh menjual sehingga 100 ekor ayam jagung dalam masa sehari.